

Meredakan bahang panas perkauman

Hentikan prejudis sesama etnik demi perpaduan masyarakat

Akhir-akhir ini, butang panas perkauman sangat terasa bahangnya di negara ini. Pergaduhan di Low Yat, demonstrasi BERSIH 4.0, pergaduhan di pekan Asam Jawa dan demonstrasi Baju Merah sebenarnya bukan terjadi atas perkiraan agenda perkauman. Disebabkan peristiwa sedemikian tercetus, sebahagiannya kerana prasangka dan salah faham, hasrat membina negara bangsa bertukar menjadi agenda etnik sempit kumpulan tertentu, tanpa mengira kesepakatan rakyat pelbagai etnik yang sudah berkongsi sama cita rasa hidup bersama di negara ini untuk sekian lama.

Merumitkan lagi keadaan, ialah media sosial tanpa sempadan dan sekelip mata menyebar maklumat ke segenap pelosok negara, dengan lebih banyak menggembleng etnik, mentafsir secara emosi dan membakar sentimen perkauman tanpa fakta.

Lebih menakutkan, ada individu, kepimpinan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik ini lebih suka mempolitikasikan aspek hidup tertentu masyarakat melalui pergerakan mereka. Pada peringkat awal agenda mereka untuk mengurus dan membina negara bangsa dengan baik tetapi sudah bertukar dengan memanipulasi etnik untuk merebut kuasa pemerintahan negeri dan negara.

Kawal media sosial

Rakyat bosan dengan asakan berterusan setiap hari oleh golongan dan media sosial tertentu yang mempolitikasikan perbezaan etnik hingganak kehilangan MH370, MH17, Pelan Pembangunan Pendidikan Negara, harga barang naik, nilai ringgit, 1MDB dan sebagainya tidak dikaitkan dengan tabir urus negara dan kedudukan ekonomi semasa.

Kesan asakan berterusan oleh golongan politik dan media sosial membina kebimbangan risiko suhu kepanasan etnik dalam kalangan rakyat pelbagai etnik di Malaysia. Kajian Indeks Ikatan Sosial sejak tahun 2013-2014, menunjukkan batas etnik semakin menebal dalam komuniti Melayu, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sabah dan komuniti Cina dan India.

Dialog Perpaduan dijalankan di 18 bandar di seluruh negara oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, menunjukkan rakyat menerima kepelbagaian.

Mereka tidak senang dengan percubaan mempolitikasikan etnik dan agama, serta tindakan menghentam setiap aspek kehidupan dalam masya-

rakat oleh parti pembangkang dan kerajaan, setiap hari. Mereka berasakan etnik lain memandangkan etnik mereka dengan persepsi buruk.

Pandangan sedemikian berpotensi merenggangkan hubungan antara mereka dengan etnik lain, hingga lahir budaya stereotaip etnik, prejudis dan tindakan diskriminasi antara satu sama lain.

Perasaan berisiko etnik dalam kalangan rakyat Malaysia yang dihangatkan butang panas perkauman mereka melahirkan perasaan sensitiviti perkauman dalam kalangan mereka. Ada daripada mereka yang sangat sensitif dengan perkiraan dimensi etnik, Bumiputera dan bukan Bumiputera, Islam dan bukan Islam, dan terakhir sekali, agama.

Kajian memperlihatkan orang Melayu dan India amat sensitif dengan identiti agama, Cina dengan bahasa Mandarin sebagai identiti mereka, manakala Bumiputera Sarawak dan Sabah dengan identiti suku.

Untuk meredakan kehangatan butang panas perkauman dalam kalangan rakyat kita ini, kesedaran mengenai negara dan bangsa perlu difahamkan bersama. Adakah kita faham yang negara ini bermula dari sebuah negara berdasar Kesultanan Melayu, Syarikat Borneo dan Keluarga Brooke yang dilindungi dan dijajah Inggeris? Adakah kita memahami kesan pembangunan negara dan pembinaan negara bangsa di negara pascakolonial ini ke atas kedamaian, kemajuan dan kesejahteraan kita bersama pada hari ini? Adakah kita memahami hubungan etnik di Malaysia masa kini?

Akhir sekali, adakah kita memahami negara kita ini terdiri daripada masyarakat kepelbagaian yang rencam sosialnya?

Kefahaman kepada persoalan ini, akan memandu rakyat pelbagai etnik dan agama di negara ini untuk mengurus hubungan etnik dengan baik. Setiap identiti dan kepentingan etnik, agama dan wilayah di negara ini diperakui dan diterima bersama dan berpaksikan ketamadunan anak watan di negara ini.

Perpaduan antara kita bukan kesatuan dalam kepelbagaian, tetapi perpaduan dalam kepelbagaian. Dengan kemajuan dan pembinaan negara bangsa ini, kita sama-sama membina hubungan etnik yang harmoni, damai dan sejahtera. Jangka hayat damai terbukti lebih panjang terbina daripada pergaduhan antara etnik, apa lagi, konflik berdarah di negara ini.



**DR MANSOR
MOHD NOOR**

pro@usm.my



**DR MOHD
BAKRI BAKAR**



Penulis

Jalah Ketua Kluster Perpaduan Nasional,
Majlis Profesor Negara